



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	12/7/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	: 22
JABATAN	:	JPNP		

KEBUN HARAM MUSANG KING

9 hari tebang 15,000 pokok

Raub: Hampir 15,000 pokok durian musang king yang ditanam secara haram di kawasan seluas lebih 101 hektar dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam di sini, ditebang.

Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasa) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Nor Azirim Ahmad berkata, pencapaian berkenaan adalah di luar jangkaan sejak Operasi Pamah dimulakan pada 3 Julai lalu.

Menurutnya, beberapa faktor yang mempercepatkan aktiviti menebang pokok raja buah itu ialah kemahiran tinggi dalam kalangan kakitangan JPNP dan keanggotaan yang ramai dalam

operasi mencabar itu.

Katanya, terdapat lebih 100 kakitangan dari hampir semua Pejabat Hutan Daerah (PHD) dikerah untuk membantu melancarkan aktiviti menebang.

"Saya tak sangka dalam masa sembilan hari hampir semua 15,000 pokok durian musang king yang ditanam secara haram dalam HSK Batu Talam dapat ditebang, peringkat awal ia dijangka mengambil masa sebulan.

"Pencapaian berkenaan begitu membanggakan terutama apabila dapat menyelesaikan tugas berkenaan dalam jangka masa sangat pantas," katanya.

Menurutnya, banyak pi-

hak tidak menyangka hampir semua pokok durian musang king berkenaan musnah ditebang dalam tempoh berkenaan.

Katanya, sebaik selesai aktiviti menebang, tugas seterusnya ialah membersihkan tapak untuk kerja menanam pokok hutan dalam hutan simpan terbabit.

"Aktiviti menanam pokok hutan perlu dilakukan segera secara berperingkat dengan lebih 20,000 pokok hutan perlu ditanam.

"Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat bertanggungjawab sepenuhnya menanam pokok hutan yang turut dibantu kakitangan PHD lain," katanya.

HM, 12 Jul
2021_22



POKOK durian musang king yang ditebang dalam Operasi Pamah di Hutan Simpan Batu Talam.

